

22 JUL 1998

SAAS

LAPANGAN TERBANG SAAS DIJADIKAN PUSAT PAMERAN BEBAS CUKAI

KUALA LUMPUR, 22 Julai -- Kabinet hari ini memutuskan yang Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah di Subang, yang ditutup dengan rasmi pada 30 Jun lepas dijadikan pusat pameran bebas cukai.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik memberitahu pemberita, keputusan itu diambil untuk memperkenalkan negara sebagai pusat pameran industri dan perdagangan rantau ini.

"Kapalterbang-kapalterbang boleh mendarat dan berlepas bersama semua barangan yang dipamerkan tanpa perlu melalui pemeriksaan kastam dan imigresen," katanya.

Dr Ling berkata, lapangan terbang itu mempunyai semua kemudahan dan ruang yang luas untuk pameran seperti di Terminal Satu.

Beliau berkata, lapangan terbang itu juga akan digunakan sebagai kawasan industri penerbangan, perkhidmatan penerbangan am, penerbangan haji, sekolah latihan penerbangan dan bagi penerbangan-penerbangan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Dr Ling juga berkata Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) akan membina landasan keretapi dari Nilai ke KLIA sebagai satu lagi alternatif pengangkutan awam bagi pengguna Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang.

"KTMB akan mengemaskini butir-butir projek itu yang merupakan antara projek di bawah projek prasarana besar-besaran bagi mengatasi kegawatan ekonomi."

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan yang kerajaan akan menjalankan projek-projek prasarana yang besar untuk mewujudkan lebih banyak aktiviti ekonomi dan menggerakkan industri lain.

"Ia merupakan projek yang dipercepatkan...kita mahu membuatnya dengan cepat." kata Dr Ling tanpa mengulas lanjut.

Menteri itu berkata, elektrifikasi landasan berkembar dari Rawang to Ipoh juga akan dilaksanakan kelak sebagai antara projek dalam program itu.

Projek itu menurut Dr Ling merupakan projek keutamaan sebelum masalah kegawatan tercetus dan ia penting bagi menampung peningkatan dalam kargo yang diangkut di sepanjang landasan keretapi itu.

Beliau berkata, kos dan butir-butir lain projek itu dijangka diketahui dalam dua minggu lagi.

Mengenai pelabuhan, Dr Ling berkata kerajaan tidak akan menawarkan sebarang insentif kepada mereka yang menggunakan pelabuhan tempatan untuk menghantar atau menerima kargo mereka.

"Menggunakan pelabuhan kita 30 hingga 40 peratus lebih murah berbanding pelabuhan Singapura. Adakan ia tidak menarik. Ia satu penjimatan yang besar," katanya.

Dr Ling berkata, jika pengeksport dan pengimport tempatan menggunakan pelabuhan tempatan, ia juga akan menggalakkan industri sampingan lain seperti pembinaan kapal, membaiki dan menyenggara kapal, perkhidmatan maritim dan banyak lagi.

Sementara itu, dalam pertemuannya dengan Menteri Luar Palestin Farouk Kaddoumi kemudian, Dr Ling berkata Malaysia bersetuju mengambil kumpulan kedua 12 juruterbang pelatih Palestin untuk menjalani latihan.

Kumpulan pertama lapan juruterbang telah menjalani latihan dengan jayanya.

-- BERNAMA

MT PR

